

National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) yang ditubuhkan pada 27 Januari 2012 adalah sebuah konsortium institut-institut bioteknologi kebangsaan di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) beroperasi sebagai syarikat berhad dengan jaminan untuk menerajui penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan bioteknologi moden. Konsortium ini terdiri daripada tiga institut iaitu Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) di Serdang, Selangor, Institut Farmaseutikal dan Nutrasetikal Malaysia (IPharm) di Gelugor, Pulau Pinang, dan Institut Genom Malaysia (MGI) di Bangi, Selangor. NIBM mempelawa individu yang berkelayakan, berpengalaman, dinamik, dan bersedia untuk bekerja kuat menyertai organisasi kami bagi jawatan berikut:

1.	Ketua Pegawai Eksekutif (Jawatan Kontrak) (Pejabat Pengurusan Korporat, NIBM) Pakej gaji yang menarik Kereta & pemandu disediakan	<p>Deskripsi Tugas:</p> <ol style="list-style-type: none"> Bertanggungjawab bagi operasi harian organisasi, pengurusan belanjawan dan kewangan, pengurusan sumber manusia dan kemudahan serta menyediakan penyelesaian yang pragmatik untuk organisasi. Membangunkan, memantau, dan melaksanakan strategi bagi memastikan kemampunan dan daya keupayaan kewangan jangka panjang organisasi termasuk geran bagi <i>Research, Development & Commercialization</i> serta memperolehi kontrak-kontrak penyelidikan daripada pelbagai sumber. Mewujudkan dan mengekalkan hubungan rapat dengan tiga Institut berkenaan serta dengan organisasi-organisasi usahasama lain dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Bertindak sebagai jurucakap bagi NIBM dalam menetengahkan pencapaian Institut-institut, meningkatkan reputasi dan keserlahannya serta menarik bakat-bakat terbaik bagi perjawatan di Institut-institut. Melapor dan mengemaskinikan Lembaga berhubung segala perkembangan Institut-institut secara kerap. Memastikan infrastruktur dan peralatan organisasi yang sewajarnya diselenggarakan bagi kefungsian lancar dan cekap Institut-institut. Secara keseluruhannya bagi memastikan NIBM dan Institut-institutnya memelihara reputasinya bagi etika, kualiti dan integriti, cemerlang dalam segala penyelidikan, inovasi, latihan, bantuan teknikal dan aktiviti perniagaan organisasinya. <p>Kelayakan dan pengalaman:</p> <ol style="list-style-type: none"> Warganegara Malaysia; Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang yang berkaitan adalah satu kelebihan; Mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman berkaitan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif atau menyandang jawatan yang tinggi serta bertanggungjawab menerajui dan menguruskan sebuah syarikat, sebaik-baiknya dalam bidang bioteknologi dan/atau sektor berasaskan penyelidikan dan pembangunan komersial. Mempunyai tidak kurang dari 15 tahun pengalaman bekerja.
----	--	---

Calon-calun yang memenuhi keperluan dan syarat-syarat kelayakan yang tertera di atas dijemput menghantar *resume* yang lengkap dengan menyertakan butir-butir peribadi, kelayakan serta pengalaman, nombor telefon untuk dihubungi, salinan sijil-sijil berkaitan serta sekeping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) kepada:

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA,
NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA,**
Pejabat Pengurusan Korporat, Aras 2,
Kompleks Agro-Biotechnology Institute (ABI),
d/a Ibupejabat MARDI, 43400 Serdang, Selangor.
Tel: 03-8949 5687
Emel: recruitment@nibm.my

Hanya calon-calun yang disenaraipendek sahaja akan dihubungi.
Tarikh tutup permohonan: **14 Mac 2019**